

Newspaper	THE STAR
Date	02 JUNE 2017

Prestasi ekonomi kukuh - PM

Ulm - 2/6/2017 Pg.3

■ PUTRAJAYA 1 JUN

DATUK Seri Najib Tun Razak hari ini melahirkan kegem-biraan beliau dengan prestasi ekonomi Malaysia yang kukuh dalam suku pertama tahun ini.

Bercakap pada Mesyuarat Majlis Eksport Negara di sini, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, Keluaran Dalam

Negara Kasar (KDNK) berkembang 5.6 peratus dengan penggunaan swasta yang tinggi dan pelaburan sebagai pemacu utama pertumbuhan disokong oleh prestasi bertambah baik sektor luar.

“Malaysia terus mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM18.9 bilion,” katanya.

Najib seterusnya berkata, ke-

dua-dua eksport dan import berkembang pada 21.4 peratus dan 27.7 peratus, masing-masing kepada RM224.7 bilion dan RM205.8 bilion, dalam suku pertama 2017.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, Menteri Pertanian dan

Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Najib turut mengucapkan tahniah kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan yang dilantik sebagai anggota Majlis Eksport Negara. -BERNAMA



Waktu Solat

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

KUALA LUMPUR
dan kawasan sewaktu dengannya

5.39	7.02	1.14	4.39	7.22	8.37
------	------	------	------	------	------

PULAU PINANG
dan kawasan sewaktu dengannya

5.41	7.03	1.19	4.44	7.30	8.46
------	------	------	------	------	------